

Program SME @ University

Programme Participants in 2012 sasar lahir CEO PKS Bertaraf Dunia



KUALA LUMPUR - Seramai 20 orang peserta yang terdiri di kalangan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di bawah bimbingan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah tamat pengajian mengikuti kursus *SME @ University Programme Participants in 2012*, pada 28 Februari 2013, di sebuah hotel di sini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Ab. Latif, berkata, program ini adalah lanjutan daripada program yang dilancarkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed dan Menteri Pengajian Tinggi, YB. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, pada bulan Jun 2011.

Beliau berkata, kejayaan 20 orang peserta usahawan PKS di bawah SME@UMK merupakan usahawan perintis yang mengikuti pengajian selama tiga bulan bermula bulan November 2011 yang turut membabitkan empat universiti lain, iaitu SME@UiTM, SME@UPM dan SME@UIAM.

"Peserta SME@UMK yang mengikuti program pembelajaran ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan di samping meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PKS di Malaysia," katanya selepas Majlis Graduasi PKS@University Programme yang dirasmikan oleh Pengerusi SME Corp. Malaysia, YBhg. Datuk Ir. Dr. Mohamed Al Amin bin Hj. Abdul Majid.



Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp, YBhg. Dato' Hafsah binti Hashim, Ketua Eksekutif Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB), YBrs. En. Amirnuddin bin Mazlan dan Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holding, YBhg. Datuk Wira Dr. Hj. Ameer Ali bin Mydin.

Sementara itu, Datuk Ir. Dr. Mohamed Al Amin berkata, pelaksanaan program *SME @ University Programme Participants in 2012* adalah sejajar dengan aspirasi Kerajaan untuk menerajui negara ke arah menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi di bawah Pelan Transformasi Ekonomi (ETP).

Jelas beliau, Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) merangkumi Pelan Induk PKS 2012 -2020, membincangkan cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh PKS dalam Pembangunan Modal Insan bagi meningkatkan tahap produktiviti PKS di Malaysia.

“Justeru, untuk mencapai matlamat ini, PKS perlu memainkan peranan utama dalam merangsang pertumbuhan ekonomi negara untuk lebih berdaya saing dengan sentiasa memperbaiki produk mereka dengan lebih cekap serta inovatif,” jelasnya.

Beliau berkata, program ini adalah berdasarkan sukatan pelajaran Universiti Jepun PKS, SME Corp Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB) yang sejajar dengan aspirasi negara dan kepimpinan pemikiran semasa.



Dalam ucapan beliau lagi, beliau berharap agar setiap graduan yang menyertai program ini akan terus menyertai dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia melalui kejayaan perniagaan mereka.

“Kejayaan PKS akan menjadi penyumbang penting dalam pertumbuhan ekonomi masa depan seperti yang digariskan dalam Pelan Transformasi Ekonomi (ETP),” katanya.



Berita : Syarimie Wosley / **Gambar** : Azam Razi